



**KEMENTERIAN
PERPADUAN NEGARA**

KENYATAAN MEDIA

**UPACARA THAIPUSAM TAHUN 2021 TIDAK DIBENARKAN
DI RUMAH-RUMAH IBADAT (KUIL) DI NEGERI-NEGERI DI BAWAH
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Putrajaya, 18 Januari 2021 – Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Menteri Kanan Pertahanan Bilangan 3 Tahun 2021 telah membuat keputusan untuk tidak membenarkan upacara Thaipusam pada tahun ini di rumah-rumah ibadat (kuil) di negeri-negeri di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Keputusan ini adalah selaras dengan pengumuman pelaksanaan PKP oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Januari 2021.

2. Keputusan ini telah diambil susulan perbincangan Kementerian Perpaduan Negara dengan Ketua-Ketua Agama Hindu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Kementerian juga mengambil maklum keputusan **semua Kerajaan Negeri** supaya tiada upacara Thaipusam di rumah-rumah ibadat (kuil) di negeri masing-masing pada tahun ini **kecuali Kerajaan Negeri Perlis**.

3. Kementerian turut mengambil maklum kenyataan media oleh Malaysia Hindu Sangam (MHS) pada 12 Januari 2021 yang tidak membenarkan sebarang upacara Thaipusam di rumah-rumah ibadat (kuil) di bawah MHS di seluruh negara.

4. Mesyuarat teknikal juga bersetuju bahawa upacara Thaipusam boleh dilaksanakan di negeri-negeri di bawah PKPP dengan kebenaran Kerajaan Negeri yang berkenaan, dan mengikuti SOP lebih ketat seperti di **Lampiran 1**. Sehingga kini, hanya Kerajaan Negeri Perlis di bawah PKPP yang membenarkan upacara Thaipusam.

5. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Halimah Mohamed Sadique menegaskan bahawa SOP ketat yang ditetapkan oleh MKN & KKM adalah bagi mengawal penularan rantai COVID-19 terutama pada masa yang getir ini.

Kementerian Perpaduan Negara

18 Januari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 Fax: +603 8888 8568 / 569
E-mail: pro@perpaduan.gov.my
No rujukan: KPN.UKK.1009/1/8 (40)

LAMPIRAN 1

SOP BAGI UPACARA THAIPUSAM YANG DIBENARKAN DI NEGERI-NEGERI DI BAWAH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) – NEGERI PERLIS

- a) Perarakan pedati perak untuk membawa Dewa Murugan adalah TIDAK DIBENARKAN.
- b) Tempoh waktu sembahyang dan aktiviti keagamaan dibenarkan mulai 27 hingga 29 Januari 2021 mulai jam 5.00 pagi hingga 5.00 petang.
- c) Aktiviti membawa “kavadi” adalah TIDAK DIBENARKAN.
- d) Aktiviti membawa “paal koodam” (belanga berisi susu) DIBENARKAN dan dihadkan kepada 30 orang sahaja pada satu-satu masa untuk tempoh 30 minit dan diselangi dengan kerja-kerja sanitasi selama 30 minit.
- e) Pengiring / kumpulan muzik TIDAK DIBENARKAN turut serta mengiringi pembawa “paal koodam”.
- f) Pembawa “paal koodam” DIGALAKKAN membuat pendaftaran dengan pihak pengurusan kuil terlebih dahulu.

- g) Pihak pengurusan Rumah Ibadat (Kuil) HENDAKLAH menyediakan laluan khas (*assigned pathway*) kepada pembawa “paal koodam”.
- h) Pembawa “paal koodam” segera meninggalkan Kuil sebaik sahaja selesai persembahan (offerings) dan sembahyang.
- i) Aktiviti MENCUKUR RAMBUT dan RITUAL MANDI di dalam kawasan Kuil adalah TIDAK DIBENARKAN.
- j) Agihan makanan adalah secara berbungkus (*packed food*) dan TIDAK DIBENARKAN makan di dalam kawasan Kuil.
- k) Aktiviti jualan/perniagaan/penjajaan tanpa premis seperti *food truck*, penjaja beredara dan penjaja tepi jalan di dalam kawasan dan persekitaran kuil TIDAK DIBENARKAN.